JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
& PEMBERSIHAN AWAM

## MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022

KUMPULAN HYBRID

# PROJEK MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENYERTAAN MENGITAR SEMULA KOMUNITI MENERUSI PERKONGSIAN




RAKAN PROJEK

| No : |
|---|

(Untuk Kegunaan Pejabat)

**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022**

| LATAR BELAKANG KUMPULAN | |
|---|---|
| Nama Kumpulan | **3P4R (PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP FOR RECYCLING)** |
| Nama Organisasi | **MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA** |
| Alamat | **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, TINGKAT 21 MENARA MBPJ, JALAN TENGAH, 46200 PETALING JAYA, SELANGOR** |
| No Telefon & Faks | **017-3824220 / 03-79600716** |
| E - Mel | **norain@mbpj.gov.my / nani_ismail@mbpj.gov.my** |
| Tarikh kumpulan ditubuhkan | **01 JUN 2020** |
| Bilangan ahli | **7 ORANG** |
| Nama Ketua Kumpulan | **SITI NABILAHUDA BINTI ZAMRI** |
| Nama Ahli | **LEE LIH SHYAN<br>PREMILA THERUK KUMARAN<br>KENG ZI XIANG<br>WAN MUHAMMAD NAIM BIN WAN MUSA<br>FIRDAUS BIN AHMAD HUZAIBI<br>NOOR SHAMIMI MAULAD RAHIM GHANI** |
| Nama Fasilitator (sekiranya ada) | **SYED HAZMI BIN SYED ABU HASSAN** |
| Nama projek | **PROJEK MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENYERTAAN MENGITAR SEMULA KOMUNITI MENERUSI PERKONGSIAN** |
| Bidang inovasi | **SOSIAL** |
| Kategori inovasi | **PENAMBAHBAIKAN** |
| Tarikh mula projek | **01 OKTOBER 2020** |
| Tarikh siap projek | **03 MEI 2021** |

| PENGESAHAN KETUA JABATAN |
|---|
| **Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :**<br><br>i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada…………………..<br><br>ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada ………………… |

| | |
|---|---|
| **Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi**<br><br>MOHAMAD AZHAN BIN MD. AMIR, JMN, KMN, DSM<br>................ Datuk Bandar Petaling Jaya ..................<br><br>**Tarikh :.......................................** | **Cop Jabatan / Agensi** |

| **PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)** |
|---|
| **Pengesahan**<br>**Panel :**<br>Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada........................ dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.<br><br>**Tandatangan Panel Penilai**<br><br>.......................................................<br>**Nama :**<br>**No. Kad Pengenalan:**<br>**Jawatan/Gred:**<br>**Jabatan/Agensi:**<br>**No.Siri:**<br>**Tarikh:** |

**ISI KANDUNGAN**


| **Tajuk** | | **Muka Surat** |
|---|---|---|
| RINGKASAN EKSEKUTIF | | i |
| **1. SIGNIFIKASI PEMILIHAN PROJEK** | | |
| 1.1 | Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan | 1 |
| 1.2 | Piagam Pelanggan | 2 |
| 1.3 | Agenda dan Matlamat Nasional | 2 |
| 1.4 | Kaitan Dengan Keadaan dan Ekosistem Semasa | 3 |
| 1.5 | Kaedah Pemilihan Projek dan Analisis | 3 |
| 1.6 | Penyataan Sasaran Outcome dan Impak | 4 |
| **2. TINDAKAN PENYELESAIAN** | | |
| 2.1 | Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan Tools | 4-6 |
| 2.2 | Penghasilan dan Pengujian Prototaip | 7 |
| 2.3 | Perakuan Daripada Pihak Bertauliah | 8 |
| 2.4 | Pelaksanaan Inovasi | 8 |
| **3. KEBERHASILAN PROJEK** | | |
| 3.1 | Outcome Projek | 9-12 |
| 3.2 | Impak Projek | 12-14 |
| **4. POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI** | | |
| 4.1 | Tahap Ketersediaan Teknologi/Sistem/Proses | 14 |
| 4.2 | Tahap Replikasi | 14 |
| **5. PENUTUP** | | 15 |
| **LAMPIRAN** | | |

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) diamanatkan merancang dan mengawalselia pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam di kawasan pentadbiran Majlis. Jabatan ini telah ditubuhkan pada bulan Februari 2025 selaras dengan arahan Kerajaan Negeri Selangor yang menghendaki hal ehwal berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan dalam kawasan pentadbiran masing-masing.

Kumpulan Inovasi dan Kreatif **3P4R** ditubuhkan atas cadangan Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi meningkatkan lagi masalah penyertaan komuniti dalam program kitar semula di kawasan pentadbiran Majlis menerusi konsep Extended Producer Responsibility (EPR). Kumpulan tersebut dianggotai oleh staf Jabatan dan pihak korporat, iaitu Nestle dan KPT Recycle. Pengarah telah berbincang dengan Datuk Bandar MBPJ dan memaklumkan bahawa Kumpulan 3P4R akan menangani masalah penyertaan komuniti di kawasan perumahan bertanah yang masih rendah di PJ dengan projek diuji cuba di PJU 1A dan PJU 9

Berdasarkan kepada pengalaman Majlis dalam menjalankan program kitar semula secara bersendiri punca masalah termasuk sikap “tidak apa” dan tahap kesedaran komuniti ke atas konsep 3R yang rendah mengakibatkan penyertaan yang rendah. Di samping itu, kos perkhidmatan kutipan barangan kitar semula dari rumah ke rumah yang tinggi berbanding dengan hasil pulangan kutipan yang tidak setara, kapasiti Majlis yang tidak konsisten akibat daripada prestasi kerja staf dan kenderaan yang sentiasa tergendala di samping kaedah publisiti yang tidak menarik turut memberi kesan kepada kadar penyertaan komuniti yang rendah.Kumpulan telah berbincang untuk mencari jalan penyelesaian dengan menggunakan kaedah pemikiran rekabentuk (design thinking), iaitu empati, idea, prototaip dan uji cuba dan dikenalpasti kaedah yang berseusian adalah melibatkan penyertaan sektor swasta sepenuhnya menerusi konsep EPR, meningkatkan komunikasi dan interaksi dengan komuniti secara berkala berkenaan jadual dan kaedah kutipan kitar semula. Di samping itu, lori kutipan dan bahan hebahan yang menarik turut direkabentukkan.

Hasil daripada kumpulan penambahbaikan projek ini adalah didapati bahawa penyertaan komuniti dapat dipertingkatkan sehingga 66% dalam tempoh masa yang pendek. Selain itu, keperluan untuk menampung kos operasi daripada Majlis adalah sifar di samping penjimatan guna tenaga serta fi pelupusan sampah sejumlah RM 13,809 dalam tempoh setahun.Pengurangan sisa pepejal dibuang kepada tapak pelupusan mencatat 32 tan sebulan.Tahap kepuasan hati penduduk turut meningkat di samping peningkatan imej Majlis dan rakan strategik swasta di bawah konsep EPR.Faedah luar jangkaan adalah projek dijadikan model pelaksanaan bagi pihak berkuasa tempatan dan sektor swasta lain.

Impak projek mendatangkan penjimatan kos operasi sebanyak RM 7,374 bagi tempoh sebulan ataupun RM 88,490 sekiranya program 3R dijalankan persendirian. Hasil penjimatan ini, program 3R dapat dilaksanakan dengan lebih cepat di kawasan lain. Selain itu, imej Majlis sebagai peneraju dalam 3R di kalangan pihak berkuasa tempatan lain diperkukuhkan. MBPJ telah dijadikan model pembelajaran bagi memulakan program kutipan barangan kitar semula. Tahap penyertaan komuniti dalam aktiviti 3R dan pengasingan sisa dengan mensasarkan 55% penyertaan tercapai. Faedah luar jangkaan adalah penwujudan 7 peluang pekerjaan hijau dan aplikasi teknologi IT. Perkhidmatan kutipan sampah domestik turut dipermudahkan dengan amalan pengasingan sisa dipraktikkan di peringkat sumber. Potensi penambahbaikan projek ini adalah bersedia menjadi model Majlis untuk perkhidmatan kutipan barangan kitar semula di seluruh kawasan pentadbiran pada masa depan dan mengiatkan lagi perhubungan dan usahsama dengan sektor swasta dalam program 3R dan kemasyakatan lain.

## 1.0 SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

### 1.1 Kaitan dengan Fungsi Utama Jabatan / Organisasi

Majlis dianggotai oleh seorang Datuk Bandar dan 24 orang ahli majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri menurut peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171). Majlis merangka dasar dan kewangan tahunan, merancang pembangunan bandar dan meluluskan program atau projek untuk pelaksanaan. Datuk Bandar dibantu oleh Timbalan Datuk Bandar dan Ketua-Ketua Jabatan merupakan pengurusan tertinggi Majlis untuk melaksanakan keputusan Majlis. Antaranya termasuk merangka pelan strategik, visi, misi, dasar kualiti, objektif dan aktiviti Majlis. **Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam** merupakan antara dua belas jabatan dan 5 unit yang ditubuhkan di bawah pentadbiran Majlis.

Visi dan Misi Jabatan adalah seperti di bawah: -

Visi: Menyumbang ke arah PJ Smart, Sustainable and Resilient 2030 dan Pelan Strategik MBPJ

Misi: Menjadi agensi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang efisyen, berkualiti, berintegrasi, mesra dan lestari

Fungsi Jabatan adalah seperti berikut:-

1. Merangka dasar, strategi, piawaian dan program pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
2. Menyediakan dan mengawalselia perkhidmatan kutipan sisa pepejal, pembersihan awam serta pasar/ gerai / kompleks makan dan penyelenggaraan kawasan
3. Merangka dasar dan strategi bagi memperluaskan kesedaran dan penyertaan awam berkaitan **3R, Kitar Semula dan Circular Economy**
4. Mengenalpasti dan menyelaras pelaksanaan inisiatif **Low Carbon Green City** di Petaling Jaya menerusi aplikasi teknologi hijau
5. Menguruskan dan mentadbir Pusat 3R dan kemudahan 3R yang dimajukan
6. Melaksana dan menguatkuasakan undang-undang kecil dan peraturan berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
7. Menyediakan perkhidmatan kutipan tong sisa binaan, kutipan berbayar, sampah kebun/pukal, peralatan kelengkapan dan tenaga kerja untuk program gotong-royong
8. Memproses kelulusan pelan kebuk sampah dan kemudahan serta sistem pengurusan sisa pepejal ke atas projek pembangunan baru dan kelulusan Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) untuk kebuk sampah dan kemudahan mengikut pelan yang diluluskan
9. Menjadi jabtan teknikal bagi sektor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dalam segala proses kelulusan di pentadbiran MBPJ

## 1.2 Piagam Pelanggan

Projek ini juga mengambilkira piagam pelanggan iaitu memberikan perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan sistematik pada setiap masa.

## 1.3 Agenda Dan Matlamat Nasional

Projek Meningkatkan Keberkesanan Penyertaan Mengitar Semula Komuniti Menerusi Perkongsian di Petaling Jaya adalah sejajar dengan Dasar, Strategi dan kehendak Undang-Undang mengikut peringkat governan.

### i. PERINGKAT MAJLIS

**A. Pelan Strategik MBPJ (2021-2025)**

Teras 2: Memastikan Perancangan Pembangunan Teratur, Mampan dan Peduli Komuniti (Inklusif)
Strategi 1 Memperkukuhkan Perancangan Pembangunan Mampan; dan
Strategi 2 Memperkukuh Usaha Pemeliharan dan Pemuliharaan Alam Sekitar dan Kelestarian Bandar Hijau

**B. Bandaraya Berkarbon Rendah Petaling Jaya**

Mengurangkan penjanaan CER sebanyak 5% setiap tahun demi pencapaian 30% CER PJ menjelang tahun 2030 menerusi perubahan gaya hidup mampan dan aplikasi teknologi hijau

### ii. PERINGKAT NASIONAL

**A. Dasar Kebersihan Negara (2021-2030)**

Di bawah Strategi 1.1 meningkatkan pembudayaan kebersihan: Pelan Tindakan 1.1.8 menggalakkan penglibatan komuniti dalam inisiatif komuniti sifar sisa, Strategi 1.3 meningkatkan jalinan kerjasama dengan agensi kerajaan, NGO dan swasta serta Kluster 3 Ekonomi Kitaran, Strategi 3.4 melaksanakan Extended Producer Responsibility (EPR) untuk menggalakkan kitar semula.

**B. Low Carbon City Framework**

Di bawah 3.4 Infrastruktur Bandar iaitu mengurangkan sisa yang dijana oleh pihak berkuasa tempaan dengan melaksanaan tindakan berkonsepkan 3R.

**C. Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara (2016)**

Di bawah Teras 1, mengurangkan penjanaan sisa pepejal dan mengoptimumkan penggunaan sumber dengan mempertingkatkan amalan 3R melalui pelaksanaan pengasingan sisa.

## 1.4 Kaitan Dengan Keadaan dan Ekosistem

- Usaha Kerajaan untuk meningkatkan kadar penyertaan kitar semula
- Mengurangkan pelupusan sisa pepejal ke tapak pelupusan sampah yang semakin ketandusan tanah
- Menggalakkan EPR dalam memperkasakan program kitar semula





## 1.5 Kaedah Pemilihan Projek Dan Analisis

Kumpulan 3P4R ditubuhkan atas cadangan Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi meningkatkan penyertaan komuniti dalam program kitar semula di kawasan pentadbiran Majlis menerusi konsep Extended Producer Responsibility (EPR). Tahap penyertaan komuniti dalam program kitar semula kendalian majlis hanya mencapai 47% saja walaupun program telah dilancarkan sejak tahun 2016 dan sejumlah 8,685 ataupun 12% perumahan bertanah di Petaling Jaya saja diberikan perkhidmatan kutipan barangan kitar semula mengikut jadual. Kumpulan tersebut dianggotai oleh staf Jabatan dan pihak korporat, iaitu Nestle dan KPT Recycle. Pengarah telah berbincang dengan Datuk Bandar MBPJ dan memaklumkan bahawa Kumpulan 3P4R akan menangani masalah penyertaan komuniti di kawasan perumahan bertanah. Kawasan PJU 1A Ara Damansara dan PJU 9 Bandar Sri Damansara dengan jumlah perumahan sebanyak 8,293 unit telah dipilih. Kumpulan telah menetapkan **Sasaran Projek** mengikut **Prinsip Pro and Kontra** iaitu **55.25 %.** Rasional pemilihan isu ini adalahberkaitan dengan Visi, Misi, Objektif dan Pelan Strategik MBPJ.

Public Private Partnership For Recycling

| Fasa | Kawasan Terlibat | In-House | Tarikh Pelancaran | Kadar Penyertaan* |
|---|---|---|---|---|
| In-house | Seksyen 10 | 308 | 2016 | 65.91% |
| | Seksyen 11 | 365 | 2016 | 49.32% |
| | Seksyen 12 | 635 | 2016 | 45.51% |
| | Seksyen 16 | 356 | 2016 | 42.13% |
| | Seksyen 22 | 466 | 2016 | 53.22% |
| | SS 22 | 955 | 2016 | 52.36% |
| | Bandar Utama | 5,600 | 2018 | 44.64% |
| | **Jumlah rumah** | **8,685** | **47%** | |

| Fasa | Kawasan Terlibat | 3P4R | Tarikh Pelancaran |
|---|---|---|---|
| **1.1** | PJU 1A: Ara Damansara | 2,219 | Okt. 2020 |
| **1.2** | PJU 9: Bdr Sri Damansara | 6,074 | Nov. 2020 |
| | **Jumlah rumah** | **8,293** | |

### 1.6 Penyataan Sasaran Outcome Dan Impak

| BIL | SEDIA MAKLUM | TARGET/SASARAN % |
|---|---|---|
| 1. | Penyertaan Komuniti | 60 |
| 2. | Penjimatan kos | 30 |
| 3. | Penjimatan Sumber manusia | 71 |
| 4. | Peningkatan Imej Majlis | 60 |

**Jumlah Purata: 221 ÷ 4 = 55.25 %**

**SASARAN: 55.25 %**

## 2. TINDAKAN PENYELESAIAN

### 2.1 Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan Tools

Kumpulan 3P4R menggunakan kaedah Rajah Pokok bagi menentukan kriteria yang terbaik untuk menghasilkan penambahbaikan idea kreatif. Daripada kriteria ini, ahli kumpulan melakukan penambahbaikan kutipan pintu ke pintu sistematik. Kaedah SWOT juga digunapakai bagi menentukan kaedah penyelesaian dapat dilaksanakan dengan lebih efisien. Kumpulan 3P4R telah bermesyuarat dan bersetuju menggunakan Metodologi Design Thinking yang meliputi proses **Empati, Takrifan, Idea, Prototaip** dan **Uji Cuba**.

## A) CARTA PERBATUAN




## B) RAJAH POKOK



## C) JADUAL S.W.O.T

| BIL | ALTERNATIF CADANGAN TERBAIK | S<br>STRENGTHS<br>(KEKUATAN) | W<br>WEAKNESSES<br>(KELEMAHAN) | O<br>OPPORTUNITIES<br>(PELUANG) | T<br>THREATS<br>(ANCAMAN) | REMARKS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **1** | Menjalankan program CEPA kitar semula | Misi jabatan | Perlu kemahiran kakitangan | Meningkatkan penyertaan komuniti | Tiada | ✓ |
| **2** | berusahasama dengan sector swasta secara EPR | Perbelanjaan majlis dapat dijimatkan | Mekanisma usahasama perlu diadakan | Kawasan liputan dapat diperluaskan | Syarikat baru | ✓ |
| **3** | Meningkatkan kapasiti kelengkapan gunatenaga rakan kongsi | Kakitangan sediada boleh menjalankan tugasan lain | Perlu pemantauan | Kutipan adalah lebih berkesan dan kebolehpercayaan | Ketidakpatuhan pekerja | ✓ |
| **4** | Guna media sosial yang bersesuaian | Hebahan lebih menarik kepada komuniti | Info tidak sampai kepada golongan warga emas | Tahap kesedaran komuniti meningkat | Pihak luar | ✓ |

## D) PENJELASAN 5W 1H

Penjelasan istilah isu sangat penting supaya setiap ahli kumpulan dapat memahami dengan jelas makna isu projek Kumpulan. Oleh itu Kumpulan 3P4R menggunakan Kaedah Penjelasan 5W 1H untuk memberi penerangan setiap isu:

| | |
|---|---|
| **WHAT** | Bermaksud berkenaan penyertaan komuniti dalam kitar semula yang rendah menyebabkan sasaran kitar semula tidak tercapai. |
| **WHERE** | Bermaksud PJU 1A dan PJU 9, Petaling Jaya. |
| **WHEN** | Bermaksud sehari dalam satu minggu |
| **WHY** | Bermaksud tahap penyertaan komuniti dalam kitar semula yang rendah mengakibatkan masalah pengurusan sisa pepejal yang berkesan seperti kos operasi yang tinggi, kuantiti sampah masih banyak dan motivasi komuniti untuk menjalankan kitar semula adalah rendah |
| **WHO** | Bermaksud<br>i. Pihak Majlis (Pihak pertama)<br>ii. Nestlé Product Sdn.Bhd (Rakan startegik)<br>iii. KPT Recycle (Rakan startegik) |
| **HOW** | Bermaksud pelaksanaan program oleh jabatan tanpa perkongsian tidak dapat meningkatkan penyertaan komuniti. |

## 2.2 Penghasilan dan Pengujian Prototaip

A) LUKISAN PROTOTAIP




Setelah disahkan oleh jurutera bertauliah, disemak di Puspakom dan juga telah diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia(JPJ).

**B) Pelan Lengkap dan Pengesahan(Full Design)**



## 2.3 Perakuan daripada Pihak Bertauliah /Pihak Berkuasa



**KDEB WASTE MANAGEMENT SDN BHD** (103002-H)
(Dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Besar Incorporated)
10th Floor, Menara Serba Dinamik (formerly known as Bangunan Affin Bank Shah Alam),
Lot Presint 3.4, Persiaran Perbandaran, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-55114344 Faks: 03-55239763 E-mail: info@kdebwm.com

KDEBWM/MBPJ/OD/OL/2022-03-14( )

14 Mac 2022

**En. Lee Lih Shyan**
Pengarah
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tingkat 20, Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

**SOKONGAN DAN PERAKUAN KEPADA PROJEK KUMPULAN *PUBLIC-PRIVATE PARTNERSHIP FOR RECYCLING* (3P4R) MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak KDEB Waste Management Cawangan Petaling Jaya amat berbesar hati terhadap pelaksanaan projek yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bersama rakan strategik iaitu NESTLE dan KPT Recycle.

Projek yang bertajuk **Projek Meningkatkan Keberkesanan Penyertaan Mengitar Semula Komuniti Menerusi Perkongsian Di Seluruh Kawasan Pentadbiran MBPJ** dilihat sebagai salah satu platform yang terbaik bagi meningkatkan kesedaran serta keberkesanan terhadap program kitar semula dan pengasingan sampah sisa pepejal di punca. Menerusi program ini, pihak kami menganggarkan berlaku sedikit pengurangan sampah yang dibuang di kawasan tapak pelupusan kerana sebahagian besar barangan yang boleh dikitar semula telah diasingkan terlebih dahulu oleh penduduk.

Berdasarkan pemerhatian daripada pihak kami mendapati, penduduk sekitar menyambut baik program ini dengan membuat pengasingan barangan kitar semula mengikut ketetapan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur. Inisiatif yang positif ini haruslah dikekalkan dan dikembangkan lagi ke lokasi – lokasi lain agar penglibatan penduduk dalam program kitar semula ini dapat ditingkatkan lagi keberkesanannya.

Oleh yang demikian, pihak kami KDEBWM Cawangan Petaling Jaya memberi **sokongan sepenuhnya** terhadap program yang dijalankan oleh **kumpulan 3P4R** ini. Pihak kami juga **memperakui** bahawa program inovatif dan kreatif ini sangat memberi nilai tambah kepada penduduk di Petaling Jaya dan memberi impak yang positif terhadap alam sekitar dan persekitaran.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
**KDEB WASTE MANAGEMENT**

**HASNAN BIN HASAN**
Ketua Operasi Cawangan Petaling Jaya

Pejabat Cawangan Petaling Jaya
Lot 7-03, PJ21 Commercial Centre, Jalan SS 8/39 Petaling Jaya 47300 Selangor
Tel: 03-78651222

**Pemerhatian kami, Penduduk sekitar menyambut baik program ini dengan membuat pengasingan barangan kitar semula mengikut ketetapan. Inisiatif yang positif ini haruslah dikekalkan dan dikembangkan lagi ke lokasi-lokasi lain.**

**-KDEBWM.SDN.BHD**

## 2.4 Pelaksanaan Inovasi Dan Penyeragaman

Kumpulan 3P4R telah mengemukakan Projek meningkatkan penyertaan komuniti dalam Program Kitar Semula menerusi konsep Extended Producer Responsibility (EPR) di seluruh kawasan PJU 1A dan PJU 9 kepada Datuk Bandar dan persetujuan telah diterima. Datuk Bandar bersetuju Projek ini diguna pakai secara tetap di seluruh Petaling Jaya mulai **April 2021** boleh diguna pakai dan diseragamkan di lain-lain lokasi mengikut keperluan dan kesesuaian serta bertambah baik secara berterusan.



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544
Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020
E-mel : aduan@mbpj.gov.my
Laman web : www.mbpj.gov.my

Ruj. Kami : MBPJ/JPSPPA/KIK/NO( )
Tarikh : 30 APR 2021

Encik Lee Lih Shyan
Pengarah
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
dan Pembersihan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tuan,

**PELAKSANAAN PROJEK MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENYERTAAN MENGITAR SEMULA KOMUNITI MENERUSI PERKONGSIAN DI SELURUH KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Adalah dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pihak Majlis mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan dan kumpulan 3P4R atas kejayaan melaksanakan Projek Meningkatkan Keberkesanan Penyertaan Mengitar Semula Komuniti Menerusi Perkongsian. Pencapaian projek ini adalah amat memberangsangkan dan memenuhi hasrat Majlis ke arah Bandaraya *Circular City* dan 3R selaras dengan Pelan Strategik Bandaraya Petaling Jaya 2030 dan *Sustainable Development Goals* 11 dan 12. Projek tersebut telah menonjolkan usaha kerjasama antara pihak Nestlé Products Sdn. Bhd. dan KPT Recycle Sdn. Bhd. dan menghasilkan keputusan impak positif terutamanya dari segi mempertingkatkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti kitar semula, mengurangkan kos pengurusan sisa serta meningkatkan penyertaan korporat dalam aktiviti kitar semula.

3. Seiring itu, pihak Majlis berpandangan bahawa projek ini harus dilaksanakan di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya mulai tahun 2022. Pihak Majlis juga akan memberikan kerjasama dan bantuan yang diperlukan demi memastikan kejayaan pelaksanaan projek ini di kawasan komuniti lain.

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHAMAD AZHAN BIN MD. AMIR)** J.M.N., K.M.N., D.S.M.
Datuk Bandar Petaling Jaya

(Rujuk Lampiran 1)



**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**
Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 603 - 7956 3544
Faks : 603 - 7958 1494
Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020
E-mel : aduan@mbpj.gov.my
Laman web : www.mbpj.gov.my

Ruj. Kami : MBPJ.UKK.100-7/5/2 (1)
Tarikh : 10 MAR 2022

**SENARAI NAMA SEPERTI DILAMPIRAN**

Tuan/Puan,

**SURAT LANTIKAN UNTUK PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR (MPIPANS) TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan dari Kumpulan **3P4R** dari **Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam** telah dilantik sebagai ahli Kumpulan Inovatif dan Kreatif Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tujuan penyertaan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2022.

3. Semoga dengan pelantikan tuan/puan sebagai ahli Kumpulan Inovatif dan Kreatif Majlis Bandaraya Petaling Jaya ini dapat memberi komitmen dan sumbangan yang sewajarnya supaya projek yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna.

4. Segala kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHAMAD AZHAN BIN MD. AMIR) J.M.N., K.M.N., D.S.M.**
Datuk Bandar Petaling Jaya.

( Rujuk Lampiran 2)

### 3. KEBERHASILAN PROJEK

#### 3.1 OUTCOME PROJEK

**A. Pencapaian Outcome dan Pembuktian**

**i. Peningkatan Kadar Penyertaan Penduduk PJ dalam Program Kitar Semula**

Penyertaan komuniti dalam program kitar semula adalah 66% dalam tempoh 7 bulan di kawasan projek berbanding dengan 47% di kawasan diberi perkhidmatan oleh jabatan sejak tahun 2016. Ini menunjukkan peningkatan tahap penyertaan dengan kaedah EPR.

| No. | Kawasan Terlibat | Bil. Rumah | Tahun Pelancaran | Kadar Penyertaan* | % Penyertaan |
|---|---|---|---|---|---|
| **3P4R** | PJU 1A: Ara Damansara | 2,219 | Okt. 2020 | **82.82%** | **5512 (66%)** |
| | PJU 9: Bdr Sri Damansara | 6,074 | Nov. 2020 | **60.49%** | |
| **In-house** | Seksyen 10 | 308 | 2016 | 65.91% | **4070 (47%)** |
| | Seksyen 11 | 365 | 2016 | 49.32% | |
| | Seksyen 12 | 635 | 2016 | 45.51% | |
| | Seksyen 16 | 356 | 2016 | 42.13% | |
| | Seksyen 22 | 466 | 2016 | 53.22% | |
| | SS 22 | 955 | 2016 | 52.36% | |
| | Bandar Utama | 5,600 | 2018 | 44.64% | |
| **Jumlah rumah** | | **16,978** | | | |

**Laporan kutipan kitar semula adalah sehingga April 2021*





Kekerapan kutipan BKSB (Barangan Kitar Semula Bercampur) oleh pihak KPT adalah Carta-carta kadar penyertaan dan jadual kutipan untuk kedua-dua kawasan ini telah dipaparkan dalam **Lampiran 7 & 8.**

**ii. Penjimatan Kos Operasi MBPJ**

Projek ini membolehkan komitmen perbelanjaan Majlis hanya meliputi bekalan yellow box saja manakala kos lain termasuk kos operasi kutipan, bayaran tipping sampah, merekabentuk dan menerbit risalah adalah di bawah tanggungan rakan strategik. Sementara itu, hasil jualan barangan kitar semula dikekalkan oleh rakan strategik. Seiring itu, Majlis dapat menjimatkan sebanyak **RM 51,619.40** ataupun **26.95%** jika projek dilaksanakan sendiri.

| Kos-kos Projek | Kuantiti | Unit Kos (RM) | Jumlah Kos Projek (RM) |
|---|---|---|---|
| **1. Kutipan harian (KPT)** | 223.76 tan | RM 570 /tan | RM 127,543.20 |
| **2. Bayaran tipping (KPT)** | 223.76 tan | RM 36 /tan* | RM 8,055.40 |
| **3. Risalah program (Nestle)** | 10,000 set | RM 1 /set | RM 10,000.00 |
| **4. Yellow Box (MBPJ)** | 3,685 unit | RM 38 /unit | RM 139,916.00 |
| | | **Jumlah** | **RM 285,514.60** |

**Kadar "tipping" oleh Worldwide Landfill untuk tapak pelupusan bersanitari Jeram*

Hasil projek (jualan BKSB): RM 420 /tan x 223.76 tan = RM 93,979.20
Kos bersih projek: RM 191,535.40

Oleh itu, kadar penjimatan projek ini adalah RM 51,619.40 /RM 191,535.40 = **26.95%**

### III. Penjimatan Sumber Manusia

| Bil | Perkara | Sebelum | Selepas |
|---|---|---|---|
| **1** | **Bilangan staf MBPJ untuk kerja kutipan kitar semula** | 7 orang (termasuk seorang pegawai zon, 1 orang pengawas, 4 orang pembantu awam dan seorang pemandu lori) | 2 orang (termasuk seorang pegawai zon dan seorang pengawas) |

Bilangan staf jabatan dapat dikurangkan kepada 2 orang sahaja bagi memantau pelaksanaan program kitar semula komuniti dan ini memberi peluang untuk memperluaskan liputan program kepada kawasan lain MBPJ tanpa tambahan guna tenaga dan dalam masa yang cepat. Penjimatan staf juga memberi peluang kepada Jabatan untuk pelaksanaan program 3R lain.

### iv. Pengurangan Kuantiti Sisa yang Dibuang ke Tapak Pelupusan

Dari Oktober 2020 hingga Apr. 2021, sebanyak **223.76 metrik tan** sisa pepejal telah dielakkan daripada pelupusan di tapak pelupusan sampah. Ini bersamaan dengan penjimatan **RM 8,055.40** kos pelupusan dan pengurangan pelepasan karbon sebanyak **524,169 kg $CO_2$-eq.**

(Pengiraan pelepasan karbon mengikut kaedah IPCC Guideline di **Lampiran 9**)



**v. Kepuasan Hati Pelanggan yang Meningkat**

Satu soal kaji selidik kepada penduduk di kawasan projek telah dijalankan oleh pihak Nestlé. Seramai 224 orang telah menyertai soal kaji selidik ini sebagai responden. Secara amnya, pandangan adalah amat menggalakkan dengan skala 82% hingga 99% positif ke atas projek ini.













Rujuk **Lampiran 10**: Laporan Soal Kaji Selidik Program Kitar Semula





**vi. Peningkatan Imej Majlis**

Projek ini telah diberi perhatian oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan dijadikan kajian kes dalam The SEA Circular Project – Reducing Marine Litter by Addressing The Management of The Plastic Value in Southeast Asia. **(www.sea-circular.org)**

**B. Faedah Sampingan (Luar Jangkaan)**

Faedah-faedah sampingan projek yang di luar jangkaan adalah seperti berikut:

**1. Replikasi Projek oleh PBT Lain**

Kejayaan projek telah menarik perhatian daripada PBT-PBT yang lain di Selangor. Sejak akhir tahun lepas, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menjalankan projek dengan model yang sama. *Pembuktian:* ***Lampiran 11:*** *Gambar-gambar program kitar semula DtD di MBSJ*

**2. Program Skim Rebat Cukai Taksiran MBPJ**

Penghuni kawasan projek yang menyertai program skim rebat cukai taksiran MBPJ bagi pemilik rumah mesra alam hijau bertambah, iaitu 54% bagi tahun 2021 berbanding tahun-tahun lepas.

*Pembuktian:* ***Lampiran 12*****:** *Program Skim Rebat Cukai Taksiran MBPJ*

**3. Pengiktirafan daripada KASA**

Projek ini telah diiktiraf oleh Kementerian Alam Sekitar & Air (KASA) melalui "The SEA circular project – Reducing marine litter by addressing the management of the plastic value chain in Southeast Asia". Projek ini merupakan satu initiatif oleh by the United Nations Environment Programme (UNEP) dengan Regional Office for Asia and the Pacific dan The Coordinating Body on the Seas of East Asia (COBSEA).

*Pembuktian:* ***Lampiran 13:*** *Laporan COBSEA*

**4. Laporan Bulanan Projek**

Laporan bulanan lengkap dengan maklumat kuantiti dan komposisi barangan kutipan disediakan oleh pihak KPT membantu Majlis membuat perancangan dan merekodkan pencapaian program 3R. *Pembuktian:* ***Lampiran 14:*** *Contoh laporan bulanan projek*

**3.2 IMPAK PROJEK**

**A. Penilaian Impak dan Pembuktian**

i. Sejumlah **RM 7,374.20** sebulan bagi tujuan operasi kutipan barangan kitar semula dari rumah ke rumah dapat dijimatkan. Hasil penjimatan ini membolehkan Majlis mempercepatkan lagi pelaksanaan program ke kawasan lain di PJ.
ii. Tahap kesedaran komuniti ke atas 3R meningkat
iii. Projek ini diperakui oleh MAREA merupakan perintis projek EPR di Malaysia.
iv. Tahap penyertaan komuniti dalam program mengitar semula meningkat berselarasan dengan sasaran 55.25% daripada rumah yang menyertai.

**B. Faedah Sampingan (Luar Jangka)**

**i. Peningkatan Kesejahteraan Alam Sekitar**

Sepanjang tempoh projek, sejumlah 223.76 tan sisa diasingkan dan dijadikan barangan kitar semula untuk pengutipan. Dengan itu, potensi penjanaan sejumlah 524,169 kg $CO_2$ dapat dielakkan.

**ii. Peningkatan Taraf Ekonomi**

Sekurang-kurangnya 7 peluang pekerjaan dalam bidang hijau yang merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi setempat telah dihasilkan. Jumlah ini akan bertambah dengan perluasan kawasan lain.

**iii. Peningkatan Taraf Kesihatan**

Pengurangan dari segi masalah sampah yang busuk dan berselerak dengan adanya pengasingan sisa telah menyenangkan pengurusan sisa pepejal dan menguruangkan pencemaran di sekitar tong sampah.

**iv. Peningkatan Taraf Pendidikan**

Peningkatan taraf pendidikan komuniti dalam kitar semula terbukti apabila para penduduk didedahkan tentang kaedah yang betul untuk kitar semula, dari segi pengasingan, pembersihan, serta penyediaan barangan kitar semula bercampur.



Sebelum



Selepas

**v. Penggunaan Teknologi IT**

Projek menghendaki penggunaan teknologi IT termasuk Apps mobile terutamanya untuk komunikasi dan interaksi dengan penduduk mengenai masa kutipan dan pengumuman berkenaan kutipan.

**vi. Peningkatan Imej Majlis**

Pengiktirafan dan kepujian daripada penduduk setempat ke atas program dengan kaedah EPR.

**vii. Program Perintis EPR Kitar Semula yang Pertama di Malaysia**

Projek kitar semula 3P4R ini merupakan satu perintis projek EPR di Malaysia, dengan usahasama kerajaan dan swasta. Model EPR ini telah terbukti berjaya dengan projek ini, dengan pencapaian sasaran projek dari segi kadar penyertaan program dan kuantiti kutipan.

3P4R
Public Private Partnership For Recycling

| Pihak | Peranan |
|---|---|
| **MBPJ** | Penyelaras projek, bekalan Yellow Box |
| **Nestlé** | Program CEPA, subsidi kutipan |
| **KPT Recycle** | Operasi harian (kutipan, pengasingan & data rekod) |
| **Tetra Pak** | Sumbangan kepada komuniti dan MBPJ |




## 4. POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

### 4.1 Tahap Ketersediaan Teknologi / Sistem / Proses

Kaedah perkongsian EPR ini dapat digunakan dalam program kutipan barangan kitar semula di semua kawasan PBT yang mana akan menjimatkan kos permulaan dan operasi Majlis serta disegerakan pelaksanaan.

### 4.2 Tahap Replikasi

**Pendaftaran MYIPO**

Projek ini telah pun didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)

3P4R
Public Private Partnership For Recycling



PSA20220996

Fee Code
TMA1

INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

TRADEMARKS ACT 2019

REQUEST FOR PRELIMINARY ADVICE AND SEARCH

Note: Fee for this request is for one class. Please indicate number of classes requested 1

| | |
|---|---|
| 1 **Nature of trademark** (Non-traditional Mark, Collective Mark and Certification Mark is not applicable) | ☐ Word mark<br>☐ Device mark<br>☒ Combination of Word and Device<br>☐ Stylize word mark<br>☐ Shape mark / aspect of packaging.<br><br>Please write number of series in this box if the trademark is a series of trademark<br><br>(Note: maximum of 6 series only) |
| 2 **Representation of trademark or graphic representation of the sign**<br>If the space provided is insufficient, the representation may be made on a separate sheet which must be firmly annexed to this Form<br>**Note: the size of the representation of the mark shall be more than 2cm x 2cm and not more than 10cm x 10cm** | 3P4R<br><br>3P4R Public Private Partnership for Recycling |



